

UPM tingkat kemahiran kakitangan

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) memperkenalkan Program Penempatan Profesional mulai Mac bagi membolehkan kakitangannya termasuk pensyarah menimba pengalaman bekerja di institusi pengajian tinggi (IPT), industri dan badan korporat ternama tempatan dan luar negara.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah, berkata pengenalan program itu sejajar usaha merealisasikan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara iaitu meningkatkan keupayaan pensyarah serta membina rangkaian dengan IPT ternama dunia.

Katanya, buat permulaan, UPM sedang mengatur jadual penempatan yang sesuai dengan Universiti Warwick, United Kingdom serta beberapa universiti terkemuka dunia untuk beberapa kakitangan yang sudah membuat permohonan menyertai program itu.

"Program ini diperkenalkan bagi membuka ruang kepada kakitangan universiti membaiki kelemahan diri dengan mencari pengalaman termasuk di luar negara.

"Saya harap ramai kakitangan akan merebut peluang ini kerana kita percaya pengalaman bekerja dengan organisasi yang lebih ke hadapan akan memberi impak positif terhadap mereka," katanya kepada *Berita Harian*, semalam.

Nik Mustapha berkata, program itu terbuka kepada kumpulan penguurusan dan profesional UPM termasuk tenaga akademik, pentadbir dan pegawai universiti.

Katanya, program itu berbeza dengan cuti sabatikal yang mempunyai syarat tertentu seperti terhad untuk pensyarah yang berkhidmat lebih tiga tahun dan khusus untuk tenaga akademik saja.